

Kemahiran Puan Zainab dalam Mengembangkan Seni Tenunan Songket Warisan Keluarganya.

Fatin Nur Zulkipli^{1*}, Noor Arina Md Arifin², Nur Fatin Syawani Azeman³, dan Eili Aida Nawawi⁴

¹ UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0002-5294-9125

² UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026

³ UiTM Cawangan Kelantan; nurfatinsyawani@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; eiliaida@gmail.com

* Correspondence: fatinnurzul@uitm.edu.my; +60124515040.

Abstrak: Songket merupakan kehalusan hasil seni daripada tenunan Melayu yang diwariskan dari zaman nenek moyang lagi. Kemahiran dan kreativiti penenun songket dapat dilihat melalui hasil pengolahan mereka dalam membuat pelbagai jenis corak untuk menghasilkan tenunan yang sangat menarik. Songket diperbuat daripada tenunan benang kapas atau sutera yang ditenun bersama dengan benang perak ataupun benang emas. Istilah “songket” ini pula dikatakan asal usulnya bermula daripada teknik pembuatan songket iaitu “menyongket” pada tenunan sutera. Pada suatu ketika dahulu, lambang kemewahan dan kemegahan dalam golongan kerabat diraja atau pembesar adalah kain tenunan songket. Kain songket amat terkenal dikalangan kerabat diraja untuk dipakai sewaktu menghadiri majlis di istana. Tetapi kini tidak lagi, songket telah diguna pakai oleh pelbagai jenis lapisan masyarakat tanpa mengira darjat, keturunan dan pangkat. Songket biasanya dipakai untuk ke majlis majlis tertentu seperti majlis perkahwinan ataupun perayaan. Perniagaan songket juga semakin berkembang dan mendapat sambutan termasuklah dari negara luar. Kajian ini menumpukan mengenai temuramah yang dijalankan terhadap Tokoh Kraf Negara dan Tokoh Songket iaitu Puan Hajah Zainab@Ngah bt Mamat. Beliau juga merupakan perusaha Galeri Terengganu Songket yang terletak di Negeri Terengganu. Songket beliau bermutu tinggi sehingga menjadi tarikan kerabat istana untuk menempah songket dengan beliau bagi digayakan semasa upacara tertentu di istana. Selain itu, Puan Hajah Zainab juga pernah menghasilkan beberapa helai kain songket yang menarik dan cantik untuk dipakai oleh pasangan pengantin diraja Brunei.

Kata kunci: Songket, Tenunan, Hasil Seni, Diwarisi, Teknik, Proses

DOI: 10.5281/zenodo.11114540



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Negeri Terengganu merupakan salah satu negeri yang cantik dan mempunyai banyak catatan sejarah di Malaysia. Lokasinya yang strategik di mana ia menghadap Laut China Selatan, menyebabkan negeri Terengganu dikenali sebagai sebuah bandar pelabuhan dan pusat tumpuan para pedagang dari seluruh dunia untuk menjalankan aktiviti perniagaan pada suatu ketika dahulu. Kebanyakan Masyarakat Terengganu membina penempatan mereka di sepanjang Pantai.

Terdapat hampir satu juta orang jumlah penduduk di Terengganu, yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Aktiviti ekonomi utama penduduk Terengganu ialah menangkap ikan disebabkan negeri Terengganu berada di perisiran pantai. Aktiviti perusahaan dan

perdagangan juga sinonim dengan masyarakat di Terengganu termasuklah perusahaan songket. Bermula dari abad ke 18 lagi, sejarah penenunan songket dipercayai amat terkenal di Terengganu (Siti Zainon Ismail, 2006). Sejak kedatangan para pedagang ke Tanah Melayu, perusahaan songket di katakan mulai berkembang dengan pesat dan hasil tenunan songket Terengganu juga telah mendapat pujian dan tarikan yang tinggi daripada orang-orang barat sejak dari zaman dahulu lagi.

Songket bermaksud mengeluarkan atau tarik benang dari kain atau menenun menggunakan benang emas atau perak. Dikatakan aktiviti menenun songket merupakan salah satu pekerjaan yang sangat penting dalam kalangan masyarakat terutamanya kaum wanita pada zaman dahulu (Norwani, 2007). Hal demikian mereka perlu membuat sendiri pakaian yang ingin dipakai contohnya bagi menghadiri sesebuah majlis. Dalam industri kain, tenunan songket adalah tradisi orang Melayu tradisional di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Kelembutan tenunan dapat dinilai dari segi kerumitan proses menenun bunga pada kain songket. Jenis benang juga sebenarnya merupakan faktor penting dalam menentukan harga songket di pasaran.

Proses dan teknik dalam menghasilkan sehelai kain songket adalah sangat susah dan agak rumit kerana benang emas perlu ditenun di antara kain latar dan benang sutera. Dalam kalangan kerabat diraja Melayu pada zaman dahulu, kain mahal dan mewah adalah melambangkan struktur sosial mereka. Peranan utama dalam menentukan sama ada kain songket itu cantik ataupun tidak adalah corak dan motif yang dihasilkan itu sendiri. Motif yang telah ditenun diatas kain songket sarung atau lebih dikenali sebagai selendang adalah lebih daripada 100 motif (Norwani, 2007).

Pada zaman dahulu, songket dipakai oleh kumpulan tertentu dalam upacara atau perayaan sahaja. Tetapi kini, penggunaan kain songket adalah tidak terbatas dan telah pun digunakan oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira darjat dan keturunan. Demikian juga dikaitkan dengan masyarakat melayu iaitu pakaian tradisional masyarakat Melayu adalah seperti Baju Kota Bharu dan baju tradisional Cik Siti wan Kembang, Baju Kebaya, Baju Kurung, Samping, dan Baju Melayu (Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi, 2006). Songket biasanya digunakan untuk menghadiri majlis seperti majlis perkahwinan, majlis perayaan dan sebagainya. Kini, songket bukan sahaja dipakai oleh kerabat diraja, tetapi ianya mula dipakai oleh golongan rakyat biasa bagi menghadiri majlis rasmi, sebagai pakaian pengantin, pertunjukan fesyen dan juga dipakai pada hari perayaan (Haziyah, 2006).

Di Malaysia, terdapat beberapa orang Adiguru Kraf dalam bidang tenunan songket. Adiguru Kraf ini adalah bertujuan untuk mengembangkan dan memelihara hasil seni kemahiran ini daripada pupus dan hilang ditelan zaman. Hajah Zainab binti Mamat merupakan salah seorang Adiguru dalam bidang tenunan songket. Beliau berasal dari Terengganu dan telah diiktiraf sebagai Tokoh Kraf Negara dalam tahun 2002 bagi menghargai jasa dan pengorbanan beliau.

Puan Hajah Zainab telah berkecimpung dalam bidang tenunan songket sudah hampir 55 tahun. Terdapat banyak koleksi songket hasil tangan beliau sendiri yang terdiri dari pelbagai jenis corak dan warna yang memiliki daya tarikan, keindahan dan seni halus yang tersendiri. Puan Hajah Zainab mempunyai sebuah galeri songket miliknya sendiri yang diberi nama Terengganu Songket. Terengganu Songket bertempat di kediaman Puan Hajah Zainab iaitu di Pasir Panjang Terengganu. Galeri songket itu ditubuhkan bagi menghimpun semua hasil koleksi tenunan songket yang dihasilkan oleh beliau. Galeri Terengganu Songket telah mempamerkan pelbagai hasil motif dan corak songket yang menarik untuk dijadikan tatapan pengunjung dan pembeli.

Songket adalah salah satu seni budaya tekstil Melayu yang masih lagi bertahan daripada zaman dahulu sehingga kini. Songket Malaysia amat bernilai dan bermutu tinggi kerana ianya telah dihasilkan secara sangat teliti dan buatan tangan orang yang berkemahiran tinggi dalam bidang

tenunan. Disebabkan perkara inilah, Puan Hajah Zainab binti Mamat telah bertekad ingin menumpukan sepenuhnya perhatian dalam memajukan perusahaan songket ini. Menurut beliau, kemahiran dan kesenian songket yang dimiliki beliau sekarang adalah turun temurun daripada nenek moyang beliau. Puan Hajah Zainab telah mengikuti jejak langkah ibunya, Hajah Mariam binti Haji Muhammadd Min yang juga merupakan seorang yang mahir menenun songket suatu ketika dahulu. Puan Hajah Zainab mulai berjinak dengan aktiviti tenunan songket sejak beliau berumur 7 tahun lagi. Setelah pulang dari sekolah, beliau akan bergegas untuk menolong ibunya menenun songket dibawah rumah. Bunyi alatan kayu sewaktu menghasilkan songket juga merupakan salah satu faktor yang menarik minat beliau terhadap penghasilan songket.

Dapat melihat sendiri proses pembuatan songket yang menjadi warisan keluarga sejak dahulu lagi merupakan satu peluang yang tidak ternilai dan menjadi satu kebanggaan buat diri nya, inikan pula hasil seni warisan songket milik beliau masih lagi menjadi tarikan dan mendapat pujian dalam kalangan masyarakat dari dahulu sehingga kini.

Selain daripada perasaan minat terhadap seni warisan keluarga, Puan Hajah Zainab juga tidak sanggup dan tidak mahu melihat seni songket ini terkubur begitu sahaja dihanyutkan oleh arus permodenan, Beliau bertekad ingin meneruskan legasi ibunya dalam memajukan bidang songket ini dan akan memastikan setiap hasil kerja tangan ini mendapat sambutan bagi memastikan penghasilannya dapat diteruskan dan kemahiran Puan Zainab ini akan diwarisi oleh anak cucu beliau kelak.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian ini ialah untuk mencari maklumat yang lengkap dalam menghasilkan dokumentasi kajian berkaitan songket yang semakin berkurangan dalam kalangan generasi sekarang. Songket merupakan seni peninggalan dari zaman berzaman lagi. Menjaganya adalah perkara yang harus dititik beratkan kerana ianya merupakan warisan dari zaman berzaman yang perlu dijaga dengan baik, agar ia boleh diwarisi oleh generasi yang baru.

Oleh yang demikian, keterangan yang kurang jelas mengenai seni warisan songket menjadi masalah dalam kajian ini kerana ia tidak diketengahkan serta dititikberatkan agar ianya mendapat sambutan dari masyarakat khususnya masyarakat Malaysia itu sendiri. Pada masa kini, kesenian songket kelihatan semakin pudar terutamanya dalam kalangan anak-anak muda. Kebanyakan generasi muda tidak gemar akan tenunan songket kerana dianggap ketinggalan zaman. Jika tiada generasi baru menguasai ilmu tenunan songket ini, dibimbangi ianya akan pupus pada tahun-tahun akan datang.

Selain itu, kajian ini turut menghadapi beberapa masalah dalam mengenalpasti proses dan teknik yang tepat yang digunakan bagi menyiapkan sehelai kain songket. Terdapat 8 proses dan teknik kesemuanya yang dilaksanakan bagi menyiapkan kain songket. Melalui kajian ini, penyelidik perlu mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai bidang songket seperti sejarah songket dan teknik dalam penghasilan songket bagi mencapai objektif kajian.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat bagi merealisasikan beberapa objektif seperti berikut:

- i. Menenalpasti sejarah pengelibatn tokoh dalam bidang tenunan songket.
- ii. Mengkaji sejarah dan asal usul seni songket Terengganu.
- iii. Menjelaskan usaha-usaha yang dilakukan oleh tokoh dan cabaran yang dihadapi selama berkecimpung dalam bidang tenunan songket.
- iv. Menenal pasti sumbangan tokoh kepada masyarakat.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, kajian ini memberi keutamaan kepada persoalan-persoalan seperti berikut:

- i. Bagaimanakah sejarah pengelibatan tokoh dalam bidang tenunan songket?
- ii. Bagaimanakah sejarah dan asal usul seni songket Terengganu?
- iii. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh tokoh dan cabaran yang dihadapi selama berkecimpung dalam bidang tenunan songket?
- iv. Apakah sumbangan tokoh kepada masyarakat?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan seni warisan iaitu berkenaan dengan kesenian warisan songket kepada masyarakat dan bertujuan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenal sejarah dan asal usul songket Terengganu.

Kepentingan kajian ini juga adalah untuk memberi pendedahan umum kepada masyarakat mengenai sejarah kewujudan dan sejarah tenunan songket di negara kita. Hal demikian kerana, masyarakat masa kini kurang pendedahan dan kurang peka mengenai sejarah kraf tangan songket. Diharapkan agar hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu mengenai sejarah dan kepentingan pembuatan songket bagi mengekalkan industri tenunan songket kepada negara dan generasi akan datang.

6. TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini menggambarkan tentang pembuatan dan penjualan songket pada masa dulu dan kini. Hasil pembuatan songket ini adalah daripada warisan turun temurun yang masih lagi diwarisi oleh golongan masyarakat zaman kini. Berdasarkan (sara, 2020) Perkataan songket ini diperolehi daripada perkataan asalnya ialah 'menyungkit'. Perkataan itu dapat daripada dua Bahasa iaitu Bahasa Siam dan Cina iaitu daripada perkataan 'kek' dan 'songkok' yang memberi maksud yang sama seperti menyungkit. Pengenalan bagi penghasilan songket ini adalah berasal daripada orang Cina yang memperkenalkan bahan logam. Penghasilan songket ini telah dilengkapkan penghasilannya daripada campuran budaya-budaya yang berbeza seperti Timur Tengah, Parsi, India dan Turki. Berdasarkan temubual, songket ini menggunakan teknik yang dinamakan teknik tenunan, dimana benang emas ditenun di antara benang sutera pada kain latar. Hasil tenunan ini telah menghasilkan fabrik yang mewah dan mahal yang menggambarkan struktur sosial dikalangan bangsawan Melayu pada ketika dahulu.

Berdasarkan persoalan dalam kajian ini tentang mengapakah pembuatan songket masih relevan pada masa kini. Ini kerana permintaan dan pemakaian songket ini telah menjadi simbolik bagi kaum Melayu di Malaysia. Berdasarkan Sara (2020) corak dan motif kesenian tenunan songket ini telah memaparkan ciri-ciri unik identiti Melayu dan sekali gus telah mencerminkan sendiri citarasa budaya bangsa yang kaya dengan keunikan alam semesta. Antara corak yang digunakan dalam penghasilan Songket ialah susunan bunga tabur, susunan bunga penuh, dan susunan bercorak. Selain itu, motif yang diambil untuk penghasilan ini adalah daripada motif tumbuh-tumbuhan, binatang, alam dan benda, dan akhir skali kuih tradisi melayu.

Disamping itu, setiap songket yang dihasilkan mempunyai nilai kesenian tersendiri. Berdasarkan keindahan seni songket ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu prinsip bijak, baik, dan

benar. Di dalam bidang tenunan songket ini kebijaksanaan itu dapat dilihat dari segi kemahiran seseorang itu menenun kain songket kerana dengan kemahiran yang tinggi sahaja mampu menghasilkan tenunan songket yang halus. Selain itu, hasil tenunan yang baik dapat dirungkaikan dalam penghasilan songket yang bersesuaian dengan kemahuan dan kehendak dalam masyarakat. Seterusnya, prinsip benar ini juga adalah salah satu prinsip yang penting untuk penghasilan tenunan songket yang terbaik kerana ianya dapat dilihat daripada permulaan proses ketika menenun. Sebelum memulakan aktiviti menenun itu, penenun pada awalnya perlulah dalam keadaan bertenang ini kerana proses menenun ini perlukan tahap kesabaran yang amat tinggi.

Selain itu, berdasarkan persoalan lain mengapakah penjualan songket pada masa kini agak berbeza dengan pada zaman dahulu. Menurut (Ngo, Lim & Haanim, 2010) jumlah tukang songket pada masa kini semakin kurang berbanding dahulu. Ini disebabkan oleh perubahan ekonomi. Pada zaman dahulu, kebanyakan tukang songket adalah dalam kalangan wanita melayu yang menetap di kampung dan kebanyakan mereka mempelajari cara menenun daripada generasi nenek moyang mereka. Kebanyakan tukang songket yang dari Malaysia adalah dari negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Sarawak. Di Terengganu, kebiasaannya tukang songket akan membuat aktiviti menenun di dalam kawasan rumahnya kerana rumah kampung atau rumah lama di Malaysia kebiasaannya mempunyai panggung di rumah mereka dimana kawasan yang berbumbung di luar rumah sebelum memasuki ke dalam kawasan rumah. Perkara ini cukup membuatkan penglibatan aktiviti untuk menenun songket semakin berkurangan kerana, kebanyakan rumah pada zaman sekarang tidak mempunyai ruang untuk meletakkan alat untuk menenun. Selain itu, masyarakat muda zaman sekarang kebanyakannya menganggap menenun songket ini bakal mengambil masa yang lama untuk menyiapkan sehelai kain. Tambahan pula, kebanyakan remaja zaman sekarang lebih memilih perkerjaan dibandar berbanding mempelajari dan menenun songket.

Selain daripada itu, penjualan songket pada masa kini dapat ditingkatkan lagi dengan menjualnya secara atas talian menggunakan medium Whatsapp, Shopee, Lazada, Facebook dan banyak lagi. Berdasarkan (Zhang, Sas, Lambert & Masitah, 2019) penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTs) dapat membantu peningkatan jualan harian pada masa kini dan cara ini juga adalah cara yang paling efektif untuk berkomunikasi dan menjual dengan pelanggan secara jarak jauh.

Seterusnya, berdasarkan (Nur, 2018) Pihak Kraftangan Negara juga ada menawarkan kelas inkubator untuk rakyat Malaysia yang meminati dan ingin mempelajari ilmu tenunan songket ini. Inisiatif ini adalah daripada pihak kerajaan untuk menggalakkan lagi golongan muda untuk mempelajari bidang tenunan ini disamping itu mengekalkan tradisi melayu dalam penghasilan songket ini. Selain itu, bidang ini juga mampu membantu golongan seperti suri rumah dan remaja yang berminat dengan kemahiran untuk mendapatkan pendapatan sendiri.

Tenunan songket ini sudah sinonim dengan kain yang bakal dijadikan pakaian terutamanya pakaian kerabat diraja. Dimana golongan kerabat diraja akan memakai kain songket untuk perayaan rasmi seperti Majlis Perkahwinan. Selain daripada itu, berdasarkan (Embong, Maidinsah, Wahab, & Aziz, 2012) Penggunaan kain songket telah diperluaskan barang-barang dekorasi rumah, cenderahati, kasut, beg tangan, dan sebagainya. Selain daripada itu, berdasarkan (MStar Urbar Versatile, 2010) bahawa pada zaman kini ramai orang telah sedar bahawa kain songket mampu ditenun oleh kain benang sutera yang lebih lembut dan tidak tebal untuk menjadikan songket yang lebih ringan, menarik dan berdasarkan motif kontemporari.

7. METODOLOGI

Sejarah lisan yang dikaji ini bertujuan untuk membuka mata rakyat Malaysia tentang keunikan seni kraf tangan songket dan kajian ini telah dikaji daripada sumber pertama iaitu Tokoh Kraf Tangan Negara yang menceritakan tentang sejarah, pembuatan dan hasil tenunan songket di Malaysia.

Tokoh ini dipilih melalui beberapa kajian latar belakang yang membuktikan beliau adalah Seorang tokoh yang telah diiktiraf Negara Malaysia. Beliau terpilih untuk di temu ramah kerana pengalaman beliau yang sudah melebihi lima puluh tahun di dalam bidang tenunan songket ini. Selain itu, beliau juga telah menerima beberapa Anugerah seperti Tokoh Kraf ASEAN pada tahun 2015 dan Tokoh Kraf Negara pada tahun 2002. Disamping itu, beliau juga pernah dijemput oleh Jabatan Kraf Tangan Negara untuk berkhidmat sebagai guru untuk mengajar anak-anak muda yang berminat untuk menenun songket.

Nama sebenar bagi Tokoh Kraftangan Negara ini ialah Puan Hajar Zainab binti Mamat @ Ngah. Beliau dilahirkan pada tahun 1942, 22 Disember pada hari Selasa. Beliau berasal daripada Kampung Gelung Gajah iaitu beberapa kilometer daripada bandar Terengganu. Beliau merupakan anak ke dua dari tujuh orang adik beradik bagi pasangan Hajah Mariam binti Mohd Min dan Mohammad bin Ibrahim. Disamping itu, Beliau dan pasangannya Haji Jusof mempunyai enam orang cahaya mata iaitu lima perempuan dan seorang lelaki. Pada awalnya, penduduk di kampung beliau rata-ratanya adalah seorang penenun dan ibu kepada Puan Hajah Zainab juga tidak dikecualikan. Beliau yang sering melihat ibunya menenun dan sungguh berminat dengan bunyi ketika menenun itu telah mempelajari cara dan proses untuk menenun daripada ibunya sendiri dan telah mendapat tempahan yang pertama pada usia 7 tahun. Sedikit sebanyak perkara itu telah memupuk semangat Puan Hajah Zainab untuk meneruskan minat beliau dalam aktiviti menenun kain songket ini. Selepas beliau berkahwin, semangat untuk teruskan perniagaan menenun itu telah disokong dan diberi semangat oleh suaminya, disebabkan itu suaminya telah mengajak beliau untuk memperluaskan lagi perniagaan tenunan songket ini ke seluruh negara. Disebabkan semangat dan sokongan daripada suami beliau produk tenunan songket beliau telah dilihat dan diminati oleh ramai orang. Disebabkan itu juga produk beliau telah keluar ke pasaran dalam negara dan antarabangsa seperti Brunei dan Singapore. Hasil beliau juga telah dipilih untuk menjadi busana bagi kerabat-kerabat diraja untuk Majlis Istiadat di Istana Negara. Sedikit sebanyak hasil beliau telah dilihat oleh pihak Kraftangan Negara untuk mengkaji dan menyelidik latar belakang dan hasil Puan Hajah Zainab untuk dinobatkan sebagai Tokoh Kraftangan Negara dalam bidang songket.

Proses pengumpulan data ini telah dibuat secara temu bual yang menggunakan Online platform. Proses ini telah menggunakan online platform 'Google Meet' kerana ianya lebih mudah untuk direkod dan hanya menggunakan data yang sedikit sebanyak 3.2 mbps. Sesi temu bual itu dirakam pada 11 Disember 2020 pada pukul 10 pagi hingga 11.30 pagi selama 1 jam 30 minit. Selain itu, pengumpulan data juga telah diambil daripada hasil carian biodata beliau di laman portal Kraftangan Negara.

8. HASIL KAJIAN

Berdasarkan tema kajian iaitu kesenian warisan songket secara tidak langsung telah memberi pelbagai informasi yang baru mengenai kesenian warisan songket ini. Pelbagai jenis dan kaedah mengenai songket dapat diketahui. Artikel ini akan menceritakan sedikit sebanyak tentang sejarah pendidikan beliau, bidang tenunan songket, produk dan peniagaan tenunan songket, Galeri

Terengganu Songket, Pencapaian dan Anugerah yang diperolehi oleh beliau dan harapan beliau kepada masyarakat.

Berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat, aktiviti menenun songket ini telah lama berada di bumi Malaysia dan tidak dapat dipastikan pada bilakah iainya betul-betul diusahakan. Ini kerana, pada zaman penjajahan Jepun, keluarga dan juga wanita di penduduk kampung beliau iaitu Kampung Gelung Gajah telah memulakan aktiviti menenun songket ini. Kepayahan untuk meneruskan kehidupan pada waktu itu telah membangkitkan lagi penduduk kampung itu untuk meneruskan aktiviti menenun songket bagi mendapatkan upah untuk menyara keluarga mereka. Pada awalnya, beliau hanya berminat dengan bunyi detuman yang terhasil akibat pengilangan kayu untuk menenun songket dan secara tidak langsung Puan Hajah Zainab juga telah diajar oleh ibu beliau cara untuk menenun dan itu telah memupuk lagi minat beliau dalam membuat songket.

Seterusnya, Puan Zainab merupakan anak ke dua daripada tujuh orang adik beradik. Ibu bapa beliau telah menghantar beliau di Sekolah Melayu Pasir Panjang dan beliau Berjaya menghabiskan pelajaran beliau di tahap sekolah rendah. Sejak kecil lagi Puan Zainab meminati subjek-subjek yang melibatkan alat-alatan, beliau pernah memasuki pertandingan untuk membuat stoking dan beliau sering mendapat tempat yang pertama bagi pertandingan yang melibatkan fabrik ini. Pada zaman itu, beliau telah ditawarkan untuk menjadi seorang guru dan jururawat tetapi beliau menolak kerana ingin meneruskan minat beliau dalam bidang tenunan. Disebabkan keputusan itu, beliau memilih untuk tidak menyambung pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi dan memilih untuk meneruskan dalam bidang tenunan.

Disamping itu, berdasarkan artikel yang dikaji sehelai kain songket mempunyai corak dan motif yang berlandaskan flora dan fauna, kuih muih, dan banyak lagi. Begitu juga dengan hasil tenunan songket Puan Zainab, beliau juga telah dapat banyak tempahan untuk membuat songket yang bermotifkan flora dan fauna seperti corak bunga penuh dan sebagainya. Tenunan songket ini juga berlandaskan benang sutera dan benang emas bagi meningkatkan kualitinya. Bagi menyiapkan sehelai kain songket, beliau memerlukan sekurang-kurangnya 3 hingga 6 bulan untuk benang yang halus, manakala untuk benang kapas kebiasaannya mengambil masa 1 hingga 3 bulan.

Produk dan perniagaan beliau akan mulai sibuk ketika menjelang musim perayaan dan musim majlis perkahwinan kerana kebanyakan peminat songket akan memilih busana songket kerana kainnya yang berkualiti tinggi dan penghayatan terhadap alam sekitar. Harga yang ditawarkan di Galeri Terengganu Songket adalah bermula RM1000 hinggalah RM18000. Semakin halus benang yang harus digunakan semakin tinggilah nilai sehelai kain songket. Sebagai contoh, kain rima hasil tenunan Puan Zainab yang sungguh terkenal dengan kehalusan tekstur benangnya yang memerlukan kepakaran yang tinggi untuk mengendalikannya. Pada masa kini, kain songket itu kebiasaannya dibeli dan dipakai oleh kerabat diraja, ahli politik dan juga peminat-peminat kesenian songket. Selain itu, terdapat beberapa teknik yang digunakan oleh Puan Zainab untuk menghasilkan tenunan songket ini sebagai contoh teknik ikat dimana ianya mampu mengubah warna songket itu kepada warna yang lain dan ini juga dikatakan teknik pembuatan songket yang sungguh digemari oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Seterusnya, beliau juga telah diiktiraf sebagai Tokoh Kraftangan Songket Negara pada tahun 2002 kerana ketuluan beliau menenun songket dan kejayaan beliau memasarkan hasil tenunan beliau di pasaran antarabangsa seperti Brunei dan Singapore. Selain itu, beliau juga telah dinobatkan sebagai Tokoh ASEAN dalam bidang kraftangan juga pada tahun 2015. Perkara ini telah mengharumkan nama negara selain itu memartabatkan lagi hasil identiti dan Budaya Melayu ke mata dunia.

Akhir sekali, di dalam kajian ini juga telah terbukti hasil kraftangan yang diwarisi sejak turun temurun ini juga mampu bersaing dengan industri tekstil dunia. Puan Hajah Zainab juga berkata bahawa beliau berharap agar industri tenunan songket ini akan terus diwarisi oleh generasi yang akan datang bagi membangkitkan lagi identiti Melayu yang semakin hilang.



Gambar 1: Puan Hajah Zainab



Gambar 2: Menunjukkan hasil songket beliau

9. KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, kami berharap agar kajian ini dapat memberi inspirasi kepada golongan muda dan industri- industri kecil dalam negara untuk sentiasa mencari peluang dan kebolehan yang ada untuk mempertingkatkan diri dalam bidang seni terutamanya seni songket bagi menjana pendapatan dan dapat meningkatkan ekonomi negara. Hal ini supaya seni warisan songket tidak hilang ditelan zaman. Kemahiran dalam menghasilkan seni songket ini seharusnya diperluaskan dan diturunkan kepada anak muda dan generasi yang akan datang. Akhir sekali, kajian ini banyak memberi nilai-nilai murni seperti kita haruslah sentiasa berusaha untuk menjayakan diri sendiri, keluarga dan bangsa. Selain itu, kita haruslah mempunyai minat untuk membuat sesuatu perkara supaya ianya akan lebih berjaya. Seterusnya, kita haruslah mengambil iktibar dan pengajaran daripada Puan Hajah Zainab yang tidak putus asa berusaha demi minatnya dan mampu mengharumkan lagi nama negara di mata dunia.

RUJUKAN

- Abbas A., & Norwani M. N. (2006). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman* (Vol. 2). Perpustakaan Negara Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Bahauddin, A., & Abdullah, A. (2003). THE SONGKET MOTIFS: BETWEEN REALITY. *PaperPreston*, 52-60.
- Embong, R., Maidinsah, H., Wahab, Z. A., & Aziz, N. M. (2012). PEMIKIRAN MATEMATIK ORANG MELAYU TERENGGANU DALAM. *Natural Science and National Heritage*, 5-12.
- Haziyah H., & Norwani M. N. @ Eshah, M. (2013). Evolusi dan Tipologi Pakaian Wanita Melayu Di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia*.
- Min, Z., Corina, S., Zoe, L., & Ahmad, M. (2019). Designing for the Infrastructure of the Supply Chain of Malay Handwoven Songket in Terengganu . *CHI*, 14.
- Mohamad, N. I. (2018, June 18). Guru tekad perluaskan ilmu tenunan songket. Retrieved from BH Online: <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/lain-lain/2018/06/438860/guru-tekad-perluaskan-ilmu-tenunan-songket>
- MStar Urbar Versatile. (2010, October 21). Retrieved from Transformasi Songket Kontemporari: <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2010/10/21/transformasi-songket-kontemporari>
- Ngo, J. S., Evelyn, L., & Bamadhaj, H. (2020). SUSTAINING THE MAGNIFICENT CRAFT OF SONGKET WEAVING IN MALAYSIA. *Textile Society of America*, 41.
- Norwani. (2007). *ENSIKLOPEDIA SEJARAH DAN KEBUDAYAAN MELAYU*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2260-2263.
- Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu. (2021, February 3). Retrieved from Kraftangan Songket: <http://www.trglib.gov.my/index.php/pelawat/koleksi/buku-terkini/39-koleksi/koleksi-terengganu/kraftangan#songket>
- Siti Z. I. (2006). *Pakaian Cara Melayu: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia*. Tenas Effendy. (2002). *Nilai-Nilai Asas "Jati Diri Melayu Yang Islami*.
- Sara. (2020, December 18). Songket Warisan Bangsa . Retrieved from Al SARA FASHION: <https://alsara.my/songket-warisan-bangsa>
- Yatim, O. M., Borhan, Z. A., Ahmad, M. N., & Samad, M. A. (2006). ESTETIKA DAN KEINDAHAN SONGKET MELAYU. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17.